

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 1APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7601**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes jenayah yang melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di kawasan Kota Kinabalu sejak tahun 2004 hingga 2014. Berapakah bilangan kes yang telah diambil tindakan undang-undang dan dijatuhkan hukuman.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis sentiasa memberi perhatian yang serius dalam membendung kegiatan jenayah yang melibatkan warga asing sama ada yang datang untuk melancong, belajar atau yang bekerja ke negara ini, jika tidak dikawal atau dibendung ianya boleh membawa kemudaratan kepada kesejahteraan dan keharmonian rakyat tempatan.**

**Statistik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terlibat dalam jenayah Indeks di Kota Kinabalu bagi tahun 2013 sehingga 2014 seperti berikut:-**

- i) Tahun 2013 sebanyak 1,142 kes**
- ii) Tahun 2014 sebanyak 2,237 kes**

**Daripada jumlah tersebut sebanyak 168 kes telah dituduh di Mahkamah bagi tahun 2013 dan 216 kes dituduh di Mahkamah bagi tahun 2014.**

**Pihak polis tidak mempunyai data lengkap berkaitan mereka yang telah dijatuhkan hukuman kerana ianya terletak di bawah bidang kuasa pihak Mahkamah.**